

**STRATEGI DAKWAH ISLAM MELALUI MEDIA ONLINE NAHDLATUL ULAMA****([WWW.NU.OR.ID](http://WWW.NU.OR.ID))**

(Islamic Dakwah Strategies via Online Media by Nahdlatul Ulama)

**Rahmat Saputra<sup>1</sup> dan Azyyati Mohd Nazim<sup>2</sup>****ABSTRACT**

*Conventional dakwah strategies have a problem with the time & space. Thus, dakwah in this era of information technology has a big challenge in society. Meanwhile, online media have become basic requirement of modern society. Everyone can access online media easily. Unfortunately, the media is more likely to be used for information and entertainment purposes only, even it is misused frequently. Without the right strategies, Dakwah through online media will not succeed. The objective of this study was to identify strategies for Islamic dakwah adopted by Nahdlatul Ulama Online Media ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id) called: NU Online) in Indonesia. This research applied library research with technical content analysis along with the views of some figures in the modern Islamic dakwah. The results showed that the strategies of the message of Islam through online media NU are; first, cooperation with the media having the same vision. Secondly, increase media messages so that visitors feel convenient in getting knowledge about Islam with a variety of discussion topics. Third, develop the latest information technologies such as mobile versions of websites and android applications. The results of this study can be used as a basic guideline by the missionaries both individual and institutional, as well as the entire Muslim community who want to make dakwah (propaganda) through the media online effectively.*

**Keywords:** Dakwah strategies, Online Media, Nahdlatul Ulama, Islamic Media, NU Online

**ABSTRAK**

*Strategi dakwah konvensional adalah terhad ruang dan waktu. Kerana itu dakwah di era teknologi informasi ini memiliki tantangan yang cukup besar di masyarakat. Sementara itu media online sudah menjadi keperluan sehari-hari masyarakat moden. Semua kalangan kini boleh mengakses media online dengan sangat mudah. Namun sangat disayangkan media ini lebih cenderung digunakan untuk mendapatkan maklumat dan hiburan sahaja, bahkan tidak jarang yang menyalahguna. Tanpa strategi yang tepat, dakwah melalui media online tidak akan berkesan dan berjaya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti strategi dakwah Islam yang diterapkan oleh Media Online NU ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id) disebut: NU Online) di Indonesia. Kajian ini berbentuk kajian perpustakaan berserta teknikal analisis kandungan, disamping pandangan dari beberapa tokoh-tokoh dalam dakwah modern. Hasil kajian ini mendapati bahawa antara bentuk strategi dakwah Islam melalui media online NU ialah: pertama, kerjasama dengan media-media yang satu visi. Kedua, memperbanyak mesej media sehingga pengunjung senang mendapat ilmu pengetahuan seputar Islam dengan pelbagai topik perbincangan. Ketiga, mengembangkan teknologi maklumat terkini seperti laman web versi mudah alih dan aplikasi android. Hasil penulisan ini dapat dijadikan panduan asas oleh golongan pendakwah baik individual maupun institusi serta masyarakat Islam keseluruhan yang ingin melakukan dakwah melalui media online dengan berkesan.*

**Kata Kunci:** Strategi Dakwah, Media Online, Nahdlatul Ulama, Media Islam, NU Online

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu 21300, Malaysia, [trainersaputra@gmail.com](mailto:trainersaputra@gmail.com)

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, Kuala Terengganu 21300, Malaysia, [azyyati@unisza.edu.my](mailto:azyyati@unisza.edu.my)

## PENGENALAN

Dengan berkembangnya zaman, dari masa ke semasa, peraturan-peraturan agama banyak yang ditinggalkan dan hanya dijadikan simbol tanpa amalan yang sesuai dengan tuntutan agama itu sendiri. Banyak faktor yang mempengaruhi manusia untuk melakukan tindakan yang bertentangan dengan aturan agama. Apalagi di era globalisasi, di mana semua maklumat boleh diakses dengan bebas melalui Internet. Bagi sebahagian besar masyarakat moden, Internet lebih cenderung digunakan untuk mendapatkan maklumat dan hiburan sahaja. Bahkan tidak sedikit yang menyalahguna untuk pelbagai tujuan. Seperti kecurian, penjudian, pornografi, dan lain-lain. Dalam keadaan seperti itu perlu adanya perubahan kepada yang lebih baik.

Firman Allah SWT:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

*Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya dan berdoaalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.*

(Surah al-A'raf 7:56)

Dakwah merupakan kewajiban bagi setiap muslim. Ketika seseorang melihat kemungkaran maka sebolehnya mungkin ia berusaha untuk merubahnya sesuai dengan kadar kemampuannya. Dakwah bukan hanya untuk mengajak manusia berbuat baik, tetapi lebih dari itu ia juga mengubah manusia, baik sebagai individu maupun kelompok menuju ajaran dan nilai-nilai Islam. (Abdullah bin Ahmad Al-'Alaf, 2008: 2)

Dalam menyampaikan mesej dakwah, sewajarnya melihat apa yang menjadi keperluan dan keadaan umat Islam. Dakwah di tengah masyarakat intelektual dengan sumber daya manusia yang tinggi harus bersifat rasional. Dakwah ditengah bandar berbeza dengan dakwah di kampung-kampung yang mempunyai latar belakang sumber daya manusia yang kurang tinggi. Dakwah di masyarakat perkotaan, lebih tepat jika bergantung kepada logik dan filosofis. Sementara dakwah di masyarakat awam akan lebih tepat jika menggunakan kisah-kisah teladan sebagai bahan dakwah. (Fariza, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot, 2000: 9)

Dari fenomena tersebut, dakwah tidak cukup hanya dijadikan sampingan semata. Perlu media yang tepat sesuai perkembangan zaman dan strategi khusus agar manfaat dakwah dapat dirasakan lebih luas. Seruan untuk berdakwah dan strategi dakwah telah dijelaskan di dalam Al Quran.

Firman Allah SWT:

ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجِدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَن ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

*Maksudnya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya*

*Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.*

*(Surah al-Nahl 16:125)*

Kegiatan dakwah secara realiti boleh difahami sebagai usaha untuk memberikan penyelesaian secara Islami terhadap pelbagai masalah dalam kehidupan, seperti aspek sosial budaya, ekonomi, pendidikan, dan sebagainya, sehingga aktiviti dakwah dapat menyentuh semua aspek kehidupan dan menjadi rahmat bagi seluruh alam.

Firman Allah SWT:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ١٠٧

*Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.*

*(Surah al-Anbiya' 21: 107)*

Dakwah merupakan suatu aktiviti seorang Muslim untuk menyebarkan ajaran Islam ke muka bumi yang penyampaianya diwajibkan kepada setiap Muslim yang mukalaf sesuai dengan kadar kemampuannya. Kita yakini Islam sebagai suatu kebenaran, maka Islam menurut fitrahnya harus tersebar luas, dan diperlihatkan kepada umat manusia. Kerana itulah strategi dakwah Islam melalui media online mutlak untuk dilakukan. Dimana pada masa ini saja terdapat lebih dari 82 juta masyarakat Indonesia yang mengakses Internet atau kedudukan ke-8 di dunia ([www.kominfo.go.id](http://www.kominfo.go.id), laman diakses pada hari Kamis, 08 Mei 2014).

Potensi audiens atau mad'u yang sangat besar ini akan dimanfaatkan oleh industri dan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab untuk mewujudkan kepentingannya, tanpa memperdulikan kesan negatif dari hal tersebut. Kerana itu menyampaikan kebenaran ajaran-ajaran Islam kepada umat manusia melalui media online sudah seharusnya menjadi keutamaan utama pada pendakwah baik secara individual maupun secara kelembagaan. Setiap Muslim mempunyai tanggungjawab untuk menyampaikan kebenaran Islam dengan bahasa kaumnya, dan saat ini bahasa tersebut diibaratkan sebagai teknologi.

Firman Allah SWT:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ ٣٣

*Maksudnya: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta dia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!*

*(Surah Fussilat 41: 33)*

Melihat fenomena yang berkembang dewasa ini, maka dianjurkan bagi para da'i, sarjana muslim dan umat Islam secara keseluruhan untuk berdakwah menggunakan strategi & media terkini sesuai dengan perkembangan zaman. Berikut ini adalah beberapa sebab mengapa dakwah melalui media online menjadi suatu keniscayaan bagi pengamal dakwah.

**Pertama**, strategi ini muncul kerana perubahan zaman yang telah membawa kepada penguasaan teknologi maklumat. Tak sedikit masyarakat berbondong-bondong mengalihkan dunia nyata mereka pada dunia maya (Dhama Soroyya, 2015). Tak terkecuali pemuda dan remaja yang menjadi generasi penerus bangsa. Tidak jarang kita melihat anak-anak lebih menguasai teknologi maklumat daripada orang tuanya. Ini menjadi cabaran tersendiri bagi orang tua untuk menjaga anak-anaknya. Sebab kebiasaan yang tidak pernah mereka lakukan ketika muda, kini sudah dilakukan oleh anak-anak mereka. Sebut sahaja Facebook, Twitter, Instagram, Youtube, Path, Line, Wechat, Whatsapp, Blog, dls. Hampir semua anak-anak muda sekarang sangat familiar dengan teknologi tersebut.

**Kedua**, Dakwah dan teknologi maklumat bagaikan 2 sisi keping mata wang. Sesuatu yang tak dapat dipisahkan di era globalisasi. Jika kita cuba memisahkannya, maka dakwah akan tertinggal dan tidak akan dapat menjawab tantangan zaman. Jika kita berpijak pada konsep dakwah kontemporari yang mudah diterima oleh kalangan masa kini. Teknologi maklumat bukanlah sesuatu yang dilarang, walaupun di masa Rasulullah belum ditemukan adanya teknologi seperti yang kita rasakan pada saat ini.

**Ketiga**, Penemuan kajian Komnas Perlindungan Anak adalah salah satu peringatan dari betapa siber sedang masuk ke relung-relung kampung dengan tanpa batas. Kerana sebahagian remaja lebih condong mempergunakan ruang maya itu untuk mencari material porno, maka yang muncul adalah implikasi negatif. Bagaikan pedang bermata dua, teknologi maklumat (internet) memperlihatkan dua sisi implikasinya: positif atau negatif. ([Http: // www.acehinstitute.org](http://www.acehinstitute.org). Laman diakses pada 24 Januari 2011). Lebih dominan yang mana antara implikasi negatif dan positifnya sangat bergantung pada edukasi yang dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan. Dalam hal ini, dakwah merupakan bahagian terpenting untuk mendidik masyarakat khususnya anak-anak, remaja & pemuda muslim untuk memanfaatkan teknologi maklumat (internet) dengan bijak.

Kehadiran media online mempunyai fungsi yang sangat penting di tengah laju global yang sangat kencang. Hal ini tak terlepas dari karakter media yang bersifat universal, tidak terikat waktu, dan tempat. Fungsi vital inilah yang membuat media mampu mempengaruhi atau menggiring pola pikir masyarakat serta mempunyai andil dalam menentukan pergerakan suatu peradaban, baik bergerak menuju kebaikan atau sebaliknya. Teknologi maklumat yang akan kita jadikan sebagai media dakwah mempunyai kedudukan yang jauh lebih penting dalam menjaga keteraturan umat islam dalam menguasai era global (Fuad Jaya Miharja, 2016).

Nahdlatul Ulama (NU) sebagai organisasi Islam terbesar di Indonesia telah mengembangkan media Islamnya secara terus menerus sehingga terbentuk sebuah media online yang bernama NU Online dengan alamat website [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id). NU Online adalah laman web rasmi Nahdlatul Ulama yang menyampaikan maklumat sosial kemasyarakatan dan kebangsaan serta perkhidmatan keagamaan dengan mengedepankan sikap moderat (<http://nu.or.id> laman diakses pada 21 Januari 2017)

## SOROTAN KARYA

Wahyu Fakhruddin (2005) dalam tesisnya yang bertajuk "Strategi dakwah Islam Pesantren Virtual" melihat Strategi dakwah Islam yang diterapkan oleh media dalam talian [www.pesantrenvirtual.com](http://www.pesantrenvirtual.com). Idea dasar dari media online ini adalah cuba untuk menerapkan konsep pesantren yang pada awalnya merupakan suatu lembaga formal, yang kegiatannya dilakukan dikediaman seorang kiai, masjid atau musholla, kini diterapkan pada media online (website) yang dalam skop lebih luas dan tidak terikat tempat dan masa. Penamaan pesantren virtual yang diilhamkan daripada penggunaan media yang digunakan adalah internet (dunia maya / virtual). Ia termasuk beberapa strategi dakwah yang diterapkan media ini. Antara lain: mengoptimalkan e-mel sebagai satu cara komunikasi dua (2) berjalan, mengkaji permasalahan agama menggunakan pendekatan "at-ta'shil wal muqaranah" (mengembalikan kepada dalil dan perbandingan) untuk menarik minat pembaca, dan penggunaan group sebagai sarana

perbincangan sesama member / ahli media dalam talian ini seperti mailing list & chat room. (<http://www.pesantrenvirtual.com/>, laman diakses pada 22 Januari 2017)

Terdapat pula kajian yang dilakukan oleh Ahmad Mujahid Ramdhani (2017), dalam tesisnya yang bertajuk "Strategi Dakwah Internet (Laman [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) sebagai Sumber Maklumat Islam) mendapati bahawa dalam pelaksanaan dakwah dengan media internet, laman web [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) menggunakan beberapa titik strategi iaitu;

### **1. Mengenali sasaran**

[www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) sebagai media dakwah Islam memfokuskan destinasi pada kesejahteraan dan kejayaan Islam, sehingga sasaran yang dituju tidak terbatas kepada *netter* (pengguna internet) muslim tetapi juga kepada yang non muslim.

### **2. Pemilihan media.**

Ditentukannya internet sebagai media maklumat Islam oleh laman web [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) berdasarkan kepada berbagai kelebihan internet. Selain itu, ia juga untuk menunjukkan bahawa umat muslim dapat mengikuti perkembangan teknologi. Untuk mempromosikan laman web [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) dan menarik pengunjung untuk membukanya, [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) menggunakan dua strategi:

- a. Mendaftarkan laman web [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) pada search engine / mesin carian agar mudah terindex di enjin carian, terutamanya Google.
- b. *Heart lock in* (mengunci hati). Untuk menjaga agar pengunjung [www.alsofwah.or.id](http://www.alsofwah.or.id) bersedia kembali kesitus tersebut.

Fadzli Adam, Ab Hamid Ali, Marhana Mohamed Anuar dan Engku Muhammad Tajuddin Engku Ali (2015) dalam kajian beliau yang bertajuk "Cabaran Media Baru Sebagai Medium Pembelajaran Agama dan Penyelesaiannya Dari Perspektif Islam" mengemukakan beberapa aspek kebaikan dalam media baru berasaskan internet (sama ada melalui blog, facebook, twitter dan sebagainya) yang dilakukan dengan tujuan menyebarkan dakwah terhadap pengguna. Oleh kerana sumbangan internet sebagai wahana penting berdasarkan keperluan semasa untuk melakukan kerja-kerja dakwah dan mampu menjadi senjata dakwah yang kuat maka internet dilihat relevan dengan konteks dakwah semasa. Internet adalah media yang tidak dapat dinafikan menjadi alat untuk menyampaikan perkhabaran, isi dan pemikiran kepada sasaran. Justeru, masyarakat Islam Malaysia perlu memahami kedudukan sebenar alat sebaran ini serta memanfaatkannya sebaik mungkin untuk tujuan pembelajaran agama.

Selain itu, terdapat tesis sarjana sosial Islam dalam Dakwah Islam yang berjudul Blog Sebagai Media Dakwah (Kajian Terhadap Blog [www.naqsyawordpress.com](http://www.naqsyawordpress.com)) oleh Komaru Zaman (2008) mendapati bahawa kehadiran blog (salah satu bentuk media online) sebagai sarana dakwah bertujuan untuk menangani perkembangan teknologi maklumat dengan cara menyajikan maklumat (tidak hanya mengambil maklumat), & kemudahan di dalam blog tersebut sehingga tersaji laman web yang bagus, menarik dan bermanfaat. Laman ini juga menjadi media komunikasi untuk menjalin silaturahmi diantara para pengunjung laman webnya melalui forum perbincangan yang telah disediakan.


## METODOLOGI KAJIAN

### 1. Reka Bentuk Kajian

#### 1.1 Kajian Perpustakaan

Dalam kajian perpustakaan, penyelidik telah merujuk pelbagai bahan bertulis dan juga bahan kajian terdahulu untuk mendapatkan data dan maklumat yang berkaitan dengan strategi dakwah Islam melalui media online [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id). Antara bahan-bahan yang dirujuk termasuklah didalamnya buku-buku, journal, dan tesis. Teknik analisis kandungan / dokumen berdasarkan persoalan-persoalan yang timbul mengenai strategi dakwah Islam melalui media online NU ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id))

### 2. Kerangka Konseptual Teori Kajian



### 3. Definisi Istilah

Untuk lebih memperjelas dan mempermudah dalam memahami kajian ini, penulis akan menggariskan beberapa istilah kunci dalam kajian ini sebagai berikut;

#### 3.1 Strategi Dakwah Islam

Strategi:

Anwar Arifin, mengartikan strategi sebagai keseluruhan keputusan bersyarat mengenai tindakan yang akan dijalankan guna mencapai suatu matlamat (Anwar Arifin, 1989: 55). Dalam konteks ini kata strategi diertikan sebagai suatu rancangan atau langkah-langkah yang ditetapkan dan dijalankan dalam usaha mencapai suatu matlamat.

Dakwah Islam:

Syaikh Ali Mahfudz mendefinisikan dakwah dengan :

حَثُّ النَّاسِ عَلَى الْخَيْرِ وَالْهُدَى، وَالْأَمْرُ بِالْمَعْرُوفِ وَالنَّهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ لِيَفُوزُوا  
بِسَعَادَةِ الْعَاجِلِ وَالْآجِلِ

*Maksudnya: Mengajak manusia untuk mengerjakan kebaikan dan mengikuti petunjuk, menyuruh mereka berbuat baik dan melarang mereka dari perbuatan jelek agar mereka mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat". (Ali Mahfudz, 1979: 17)*

Prof. Toha Yahya Oemar, dakwah adalah sebagai usaha mengajak umat dengan cara bijaksana kepada jalan yang benar sesuai dengan perintah Tuhan untuk kemaslahatan di dunia dan akhirat. (Wahidin Saputra, 2011: 2) Sedangkan menurut Muhammad Sulton dakwah adalah suatu proses usaha untuk mengajak agar orang beriman kepada Allah, percaya dan mentaati apa yang telah diberikan oleh Rasul serta mengajak agar dalam menyembah kepada Allah seakan-akan melihatnya. (Muhammad Sulton, 2003: 9) Pengertian dakwah di atas dapat ditarik benang merah, yakni inti dari adanya kegiatan dakwah adalah mengajak manusia untuk kembali kepada jalan yang benar iaitu jalan yang diredhai Allah SWT.

Strategi Dakwah Islam:

Daripada dua (2) definisi di atas, dapat ditarik kesimpulan bahawa strategi dakwah Islam adalah: rancangan atau langkah-langkah yang akan dijalankan untuk mengajak manusia kembali kepada jalan yang diredhai Allah SWT.

### 3.2 Media Online

Media Online disebut juga dengan Digital Media adalah media yang tersaji secara online di internet. Pengertian Media Online dibagi menjadi dua pengertian iaitu secara umum dan khusus:

- a. Pengertian media online secara umum, yaitu segala jenis atau format media yang hanya boleh diakses melalui internet mengandungi teks, gambar, video, dan suara. Dalam pengertian umum ini, media online juga boleh dimaknai sebagai sarana komunikasi secara online. Dengan pengertian media online secara umum ini, maka e-mel, mailing list (mailing list), laman web, blog, whatsapp, dan media sosial (sosial media) masuk dalam kategori media online.
- b. Pengertian Media Online secara khusus yaitu berkaitan dengan pengertian media dalam konteks komunikasi massa. Media adalah singkatan dari media komunikasi massa dalam bidang keilmuan komunikasi massa mempunyai ciri-ciri tertentu, seperti publisiti dan periodisitas. (M.Romli, Asep Syamsul, 2012: 34) Media online adalah sebutan umum untuk sebuah bentuk media yang berasaskan telekomunikasi dan multimedia. Didalamnya terdapat portal, laman web, radio online, TV online, mail online, dls dengan ciri-ciri masing-masing.

### 3.3 NU Online ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id))

NU Online yang dimaksudkan adalah laman web rasmi Nahdlatul Ulama (NU) yang beralamat di [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id). Nahdlatul Ulama sebagai organisasi Islam terbesar di Indonesia telah mengembangkan media online NU sejak tahun 2003 dengan alamat website [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id) atau sering disebut NU Online. NU Online adalah laman web rasmi Nahdlatul Ulama yang menyampaikan maklumat sosial kemasyarakatan dan kebangsaan serta perkhidmatan keagamaan dengan mengedepankan sikap moderat. ([Http://www.nu.or.id](http://www.nu.or.id). Laman diakses pada tanggal 21 Januari 2017) Penulis akan menfokuskan kajian pada media online ini. Fokus kajian beliau di dalam bentuk strategi dakwah Islam melalui media online NU ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id)).

## PERBINCANGAN DAN ANALISIS

Tidak dapat dinafikan, untuk mencapai kejayaan dakwah melalui media online, strategi yang tepat menjadi fokus utama bagi pengamal dakwah sehingga dakwah tepat sasaran, berkesan dan menjangkau lebih ramai audiens. Berkaitan dengan strategi dakwah Islam melalui media online, diperlukan pengenalan yang tepat terhadap realiti hidup masyarakat moden, sehingga strategi yang dilaksanakan tidak ketinggalan zaman, kaku dan boleh menyesuaikan diri dengan keperluan zaman. Pada masa modern saat ini, pengamal dakwah harus memahami perubahan pola hidup masyarakat yang bergantung pada ilmu pengetahuan (sains) dan teknologi. Kerana itu pula, strategi harus bersifat terbuka terhadap segala kemungkinan perubahan masyarakat yang menjadi objek dakwah (Pimay, 2005: 53).

Firman Allah SWT:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ  
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ مِّنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ  
وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ١١٠

*Maksudnya: Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji) serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman) dan kalaulah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakan mereka orang-orang yang fasik.*

(Surah Ali Imran 4: 110)

Dalam firman Allah SWT dijelaskan bahawa kita sebagai umat nabi Muhammad yang merupakan sebaik-baiknya umat sudah seharusnya berfaedah bagi umat manusia dalam menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah serta beriman kepada Allah. Inilah bentuk daripada dakwah. Dan salah satu bentuk penyesuaian dakwah di era teknologi maklumat ini adalah dengan memanfaatkan teknologi untuk berdakwah.

Nahdlatul Ulama (NU) yang merupakan organisasi masyarakat (ORMAS) Islam terbesar di Indonesia sadar betul akan potensi ini dan merasa perlu untuk mengembangkan media online untuk menungjang aktiviti dakwah. NU Online bertanggung jawab atas pemberitaan pelbagai kegiatan organisasi NU ke seluruh pelosok Indonesia dan dunia. Di samping itu juga mengkhabarkan dan memberikan pandangan Islam yang moderat berhaluan Ahlu Sunnah Wal-Jamaah.

Hal ini menjadi sesuatu yang sangat penting, kerana ada puluhan juta warga NU di Indonesia. Jika pengurus pusat NU tidak mengembangkan media online sendiri, kemungkinan besar warga NU, terutama generasi muda akan mengambil maklumat daripada media lain yang mungkin saja tidak sehaluan dan tidak dengan sehaluan dengan NU.

NU Online dengan alamat website [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id) adalah laman web rasmi Nahdlatul Ulama yang menyampaikan maklumat sosial kemasyarakatan dan kebangsaan serta perkhidmatan keagamaan dengan mengedepankan sikap moderat.

Dari hasil kajian pustakan pengkaji, didapati tiga (3) strategi utama yang dilaksanakan oleh tim redaksi [www.nu.or.id](http://www.nu.or.id) dalam mengembangkan NU Online sehingga berjaya menjadi salah satu media Islam dengan jumlah pengunjung terbanyak di Indonesia. Selain dari Indonesia, pengunjung media ini juga ada yang berasal dari Malaysia, Arab, dan Australia. Ketiga strategi tersebut adalah: **pertama**, kerjasama dengan media-media yang satu visi. **Kedua**, memperbanyak mesej media



(content) sehingga pengunjung senang mendapat ilmu pengetahuan seputar Islam dengan pelbagai topik perbincangan. **Ketiga**, mengembangkan teknologi maklumat terkini seperti laman web versi mudah alih dan aplikasi android.

#### 4.1 Pertama, kerjasama dengan media yang satu visi

Kerjasama ini membolehkan NU Online mendapatkan beberapa keuntungan sekaligus. Seperti peningkatan trafik (jumlah kunjungan), brand NU Online semakin dikenal luas, dan authority / pengaruh yang semakin kuat bagi rakan-rakan dan pembaca. Kerjasama ini tidak akan wujud tanpa konsep simbiosis mutualisme (saling menguntungkan antara kedua-dua belah pihak). Bentuk kerjasama ini bermacam-macam. Diantaranya: saling menerbitkan artikel, berkongsi content, berkongsi resources, berkongsi nara sumber dan transfer of knowledge. Disamping itu, NU Online juga membenarkan media-media online kecil untuk menerbitkan semula artikel mereka dengan menyenaraikan sumber.

#### 4.2 Kedua, memperbanyak mesej media (content)

NU Online terus memperbanyak mesej media (content). Pada masa ini NU Online telah mempunyai puluhan ribu tulisan yang telah diindex oleh enjin carian Google. Baik yang berhubungan dengan kegiatan NU, maupun yang berkaitan dengan umat Islam secara umum. Pelbagai cara ditempuh untuk memperbanyak mesej media ini. Seperti mengajak peranan serta pembaca untuk menghantar karya (artikel, gambar ataupun video), mengadakan pertandingan online, dan memperbanyak penyumbang disetiap daerah. Dengan semakin banyaknya mesej media, pasukan redaksi semakin mudah menambah rubrik baru sesuai dengan keperluan dan trend di dunia maya. Seperti rubrik seni budaya, cerpen, puisi, esei, khutbah, hikmah, tokoh, pesantren, dan banyak lagi.

#### 4.3 Ketiga, mengembangkan teknologi maklumat terkini.

Pelbagai jenis teknologi maklumat terkini terus dibangunkan oleh pasukan IT NU Online untuk membuat nyaman para pengunjung laman web beliau, seperti melakukan kemas kini reka bentuk laman web secara berkala, menghadirkan laman web versi mudah alih dan aplikasi android yang saat ini sudah boleh dimuat turun di google play store. Pada masa ini tidak terlalu sukar mengembangkan teknologi maklumat terkini. Ada banyak website yang menyediakan template, thema, dan resource code secara percuma, kita hanya perlu mengedit dan menyempurnakannya saja. Penerapan strategi ini terbukti berjaya membuat NU Online menjadi salah satu media online yang paling banyak dibaca di Indonesia. Bahkan kurang dari dua (2) tahun selepas media online ini dilancarkan, NU Online dinobatkan sebagai tapak Indonesia terbaik 2004-2005 kategori sosial & kemasyarakatan versi "Komputer Aktif" ( Archive, 2017)

## KESIMPULAN

Pada masa modern saat ini, pengamal dakwah harus memahami perubahan pola hidup masyarakat yang sangat bergantung pada teknologi maklumat. Kerana itu mengembangkan media Islam online adalah sebuah keniscayaan untuk menjangkau umat. Jika ranah ini tidak disentuh oleh pengamal dakwah, maka boleh jadi generasi muda Islam kedepan akan semakin jauh dari agama. Kerana itu pula diperlukan strategi dakwah yang tepat agar dakwah tepat sasaran, berkesan dan menjangkau lebih ramai audiens.

Ini telah dilakukan oleh NU Online dalam mengamalkan strategi dakwah melalui media media online. Penerapan tiga (3) strategi ini terbukti berkesan dalam meningkatkan jumlah trafik (pengunjung) media online NU ([www.nu.or.id](http://www.nu.or.id)) Ketiga strategi tersebut ialah: pertama, kerjasama dengan media-media yang satu visi. Kedua, memperbanyak mesej media (content) sehingga pengunjung senang mendapat ilmu pengetahuan seputar Islam dengan pelbagai topik perbincangan. Ketiga, mengembangkan teknologi maklumat terkini seperti laman web versi mudah alih dan aplikasi android. Penulis berharap tulisan ringkas ini dapat menjadi inspirasi bagi

pengamal dakwah untuk mempelajari kembali teknologi maklumat yang berkaitan dengan media online. Semoga hasil penulisan ini dapat dijadikan panduan asas oleh golongan pendakwah baik individual maupun institusi serta masyarakat Islam keseluruhan yang ingin melakukan dakwah melalui media online dengan berkesan.

## RUJUKAN

Al-Quran

Terjemahan al-Quran al-Karim Berjuzuk, Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu. (2011). Selangor Darul Ehsan: Al Hidayah House Of Quran. Sdn. Bhd.

Ahmad Al-'Alaf, Abdulla, (2008). *Kiprah Dakwah Muslimah*. Solo: Pustaka Arofah

Annisa Rahmania, Agung Cahyanto, Yoan Destarina, (2010). *Internet Sehat Facebook & Twitter*. Depok: Penebar Plus.

Arifin, Anwar, (1989). *Strategi Komunikasi*. Bandung: Penerbit Armico.

Eka Wenats Wuryanta. (2004). *Digitalisasi Masyarakat: Menilik Kekuatan dan Kelemahan Dinamika Era Informasi Digital dan Masyarakat Informasi*, Volume I Nomor 2 Yogyakarta: Jurnal Komunikasi Atmajaya

Eriyanto. (2005). *Analisis Wacana Pengantar Analisis Teks Media*. Yogyakarta: LKiS Pelangi Aksara

Fuad Jaya Miharja. (2016). *Mengembalikan Kejayaan Media Islam*, Malang: Penerbit UMM

Fariza Md, Sulaiman Ibrahim, Ideris Endot. (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur: Taman Shamelin Perkasa

Hidayatullah, Syarif, Zulfikar S darmawan. (2003). *Islam Virtual* Ciputat: Penerbit Mifta

Mahfudz, Ali. (1979). *Hidayatu al-Mustarsyidin ila al-Thuruq al-Wa'dhli wa al-Khatabah*. Beirut: Dar al-l'thisham

M.Romli, Asep Syamsul. (2012). *Jurnalistik Online: Panduan Praktis Mengelola Media Online*. Bandung: Nuansa Cendekia

Qardhawi, Dr Yusuf. (1995). *Fatwa-Fatwa Kontemporer*. Jakarta: Gema Insani Pers

Saputra, Wahidin. (2011). *Pengantar Ilmu Dakwah*. Jakarta: Kelapa Gading

Soroyya Dhama. (2015). *Cyber Dakwah dalam Menghadapi Era Globalisasi*. Jember: Al-Hikmah

Sulton, Muhammad. (2011). *Desain Ilmu Dakwah*. Semarang: Pustaka Pelajar

[www.nu.or.id](http://www.nu.or.id), 22 Jan. 2017

[www.kominfo.go.id](http://www.kominfo.go.id), 21 Jan. 2017

[www.archive.org](http://www.archive.org), 22 Jan. 2017

[www.jawapos.com](http://www.jawapos.com), 07 Mei. 2016

[www.acehinstitute.org](http://www.acehinstitute.org), 24 Jan. 2011

[www.pesantrenvirtual.com](http://www.pesantrenvirtual.com), 22 Jan. 2017